

Penggunaan Sumber-sumber Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah: Pilihan Murid?

Using Historical Sources in History Subject: Student Preferences?

M.Kaviza¹

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
20 OKTOBER 2018	09 MEI 2019	24 MEI 2019

ABSTRAK

Kajian tinjauan secara deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam mata pelajaran Sejarah. Seramai 55 orang murid Tingkatan Empat daripada sebuah sekolah menengah harian di sebuah negeri utara Semenanjung Malaysia yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji yang telah disahkan oleh pakar penilai dalam bidang sejarah dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik telah dijadikan instrumen kajian ini. Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian pengaturcaraan *IBM SPSS Statistics*. Dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap persepsi murid dari aspek perkaitan, keyakinan, kepuasan dan perhatian terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam mata pelajaran Sejarah berada pada tahap tinggi. Kajian ini telah mencadangkan bahawa sumber-sumber sejarah adalah berpotensi digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di dalam kelas.

Kata Kunci: Mata pelajaran Sejarah, persepsi murid, sumber-sumber sejarah

ABSTRACT

This descriptive survey study aims to identify the student perceptions on using of historical sources in history subjects. A total of 55 Form Four students from a daily secondary school in state of north Peninsular Malaysia through the purposive techniques sampling. The questionnaire which has been validated by the content experts and has a good reliability value are used as research instrument in this study. The data were analysed using descriptive statistic using IBM SPSS computer programme. This finding indicated that the level of students' perceptions on the using of historical resources in history subject at high level in terms of relevance, confidence, satisfaction and attention. This study suggests that historical sources are potentially used as a history teaching and learning material in the classroom.

Keyword: *Historical sources, history subjects, student perceptions*

Pengenalan

Ilmu sejarah merupakan disiplin ilmu yang melibatkan proses penyelidikan tentang sesuatu perkara yang telah berlaku pada masa dahulu yang ditafsir dengan menggunakan bahan bukti sejarah (Hazri Jamil, 2003; Sunthralingam, 1985). Proses penyelidikan sejarah dirujuk sebagai pelaksanaan sesuatu kajian sejarah secara mendalam dengan menggunakan koleksi

¹ M.Kaviza, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, kavizakaviza@yahoo.com

bahan peninggalan masa silam yang digunakan oleh sejarawan bagi memahami dan membuktikan interpretasi dan tafsiran yang diberikan terhadap sesuatu peristiwa sejarah tersebut (Hover, Hicks & Dack, 2016; Wineburg, 1991). Selaras dengan matlamat ini, mata pelajaran Sejarah telah dilaksanakan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia yang bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan identiti diri, masyarakat dan negara sebagai warganegara Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Sehubungan dengan itu, murid-murid perlu dilibatkan dengan penggunaan pelbagai jenis sumber-sumber sejarah yang berpotensi untuk meningkatkan pemikiran kritis yang menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan (Johansson, 2017; Reisman & Fogo, 2015). Penggunaan sumber-sumber sejarah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermakna yang memberikan peluang kepada murid-murid untuk meneroka ilmu sejarah (Hynd, 1999; Neumann, 2001) serta berupaya untuk mengubah persepsi murid yang mengatakan mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran yang membosankan (Omarin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996; Siti Hawa Abdullah, 2008).

Latar Belakang Kajian

Sumber-sumber sejarah telah ditakrifkan sebagai sebuah karya yang menyediakan maklumat atau bukti yang bersifat asli yang berkaitan dengan sesuatu fakta, kejadian atau siri sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu (Suntharalingam, 1985). Terdapat dua jenis sumber-sumber sejarah iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer iaitu merujuk kepada sumber seperti catatan, laporan, surat, buku harian, dokumen, rekod dan sebagainya yang bersifat asli yang dapat memberikan maklumat, catatan atau melaporkan mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku, manakala sumber sekunder pula dirujuk sebagai sumber yang tidak asli yang dihasilkan oleh sejarawan berpandukan kepada sumber primer seperti ensklopedia, majalah, buku teks, risalah dan sebagainya (Hazri Jamil, 2003; Newmann, 2001). Selaras dengan kemajuan teknologi, guru-guru Sejarah dapat menggunakan pelbagai jenis sumber-sumber sejarah yang diperolehi melalui laman web sejarah dan portal sejarah (Breakstone & Smith, 2013; Huistra & Mellink, 2016). Oleh itu, peluang untuk meneroka sesuatu peristiwa sejarah berdasarkan sumber-sumber sejarah adalah tinggi (Macedo-Rouet, Braasch, Britt & Rouet, 2013; Merkt, Werner & Wagner, 2017).

Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan bahawa buku teks merupakan sumber rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijadikan tanda aras untuk tujuan pelaksanaan kurikulum dan pentaksiran dalam mata pelajaran Sejarah (Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, Ahmad Ali Seman, & Ramle Abdullah, 2013), namun penggunaan sumber-sumber sejarah dalam mata pelajaran Sejarah masih terhad walaupun telah disarankan penggunaannya dalam kurikulum Sejarah (PPK, 2003). Hal ini kerana sumber-sumber sejarah merupakan bahan pemerolehan maklumat sejarah yang dapat memerihalkan sesuatu peristiwa sejarah dengan lebih mendalam dan terperinci (Brown & Dotson, 2007; Cowgill II, 2014; Reisman, 2012; Fitzgerald, 2009). Oleh sebab sumber-sumber sejarah boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran utama dalam mata pelajaran Sejarah, maka terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk mengenal pasti tahap persepsi terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid yang masih belum diterokai lagi walaupun murid-murid didapati lebih selesa dengan penggunaan buku teks di dalam kelas.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk menjawab empat objektif kajian iaitu:

1. Mengenal pasti tahap persepsi perkaitan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid
2. Mengenal pasti tahap persepsi keyakinan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid
3. Mengenal pasti tahap persepsi kepuasan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid
4. Mengenal pasti tahap persepsi perhatian terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid

Soalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini adalah untuk menjawab empat soalan kajian iaitu:

1. Apakah tahap persepsi perkaitan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?
2. Apakah tahap persepsi keyakinan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?
3. Apakah tahap persepsi kepuasan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?
4. Apakah tahap persepsi perhatian terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?

Metodologi Kajian

Kajian tinjauan secara deskriptif ini melibatkan seramai 55 orang murid Tingkatan Empat melalui teknik persampelan bertujuan dari sebuah sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Murid-murid tersebut menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan sumber-sumber sejarah bagi topik Tamadun Awal Manusia. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang diadaptasi daripada tinjauan literatur kajian-kajian lepas yang telah disahkan oleh dua pakar penilai dalam bidang sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik iaitu 0.82 yang boleh diterima untuk tujuan kajian ini (Nunnally, 1978). Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif melalui perisian pengaturcaraan *IBM SPSS Statistics*. Interpretasi tahap persepsi murid dalam kajian ini dilakukan berdasarkan tiga tahap skor min yang diadaptasi daripada kajian Jamil, (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Persepsi Murid

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada kajian Jamil Ahmad, (2002)

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Soalan Kajian 1

1. Apakah tahap persepsi perkaitan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?

Berdasarkan Jadual 2, tahap persepsi perkaitan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi ($M=3.92$, $SD=0.62$) dalam kalangan murid. Dari segi item pula, kelima-lima dalam persepsi perkaitan berada pada tahap tinggi. Walaupun begitu, min dan tahap bagi item 'Sumber-sumber sejarah ini sangat penting kepada saya' adalah sangat tinggi ($M=4.34$, $SD=0.92$) berbanding dengan item 'Kandungan sumber-sumber sejarah ini berkaitan dengan perkara ingin saya ketahui' ($M=4.20$, $SD=0.76$), item 'Saya perlu menyiapkan tugas sumber-sumber sejarah yang diberikan' ($M=4.15$, $SD=0.76$), item 'Kandungan sumber-sumber sejarah akan berguna pada suatu hari nanti' ($M=3.93$, $SD=0.84$) dan item 'Saya dapat mengaitkan kandungan sumber-sumber sejarah dengan perkara-perkara dalam kehidupan seharian' ($M=3.89$, $SD=0.84$). Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi perkaitan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi dalam kalangan murid. Dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian Nokes, (2014) yang telah melaporkan bahawa penggunaan sumber teks dapat mengubah persepsi murid-murid terhadap proses pembelajaran yang lebih dinamik dengan mengangkat identiti ilmu sejarah itu sendiri.

Jadual 2: Tahap Persepsi Perkaitan Terhadap Penggunaan Sumber-Sumber Sejarah

Bil	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap
1	Sumber-sumber sejarah ini sangat penting kepada saya	4.34	0.92	Tinggi
2	Kandungan sumber-sumber sejarah ini berkaitan dengan perkara ingin saya ketahui	4.20	0.76	Tinggi
3	Saya perlu menyiapkan tugas sumber-sumber sejarah yang diberikan	4.15	0.76	Tinggi
4	Saya dapat mengaitkan kandungan sumber-sumber sejarah dengan perkara-perkara dalam kehidupan seharian	3.89	0.83	Tinggi
5	Kandungan sumber-sumber sejarah akan berguna pada suatu hari nanti.	3.93	0.84	Tinggi
Keseluruhan		3.92	0.62	Tinggi

Soalan Kajian 2

2. Apakah tahap persepsi keyakinan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?

Berdasarkan Jadual 3, tahap persepsi keyakinan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi ($M=3.86$, $SD=0.47$) dalam kalangan murid. Dari segi item pula,

empat item dalam persepsi keyakinan menunjukkan min dan tahap yang tinggi iaitu item ‘Saya berasa yakin kerana saya dapat memahami kandungan sumber-sumber sejarah dengan baik’ ($M=4.24$, $SD=0.79$), item ‘Tugasan sumber-sumber sejarah yang diberikan amat mudah kepada saya’ ($M=3.95$, $SD=0.84$), item ‘Saya yakin kerana saya tahu apa yang perlu dipelajari dengan sumber-sumber sejarah’ ($M=3.85$, $SD=1.13$) dan item ‘Saya yakin saya dapat lulus mata pelajaran Sejarah’ ($M=3.67$, $SD=1.09$) berbanding dengan satu item yang menunjukkan min dan tahap yang sederhana iaitu item ‘Saya dapat belajar tentang sumber-sumber sejarah dengan lebih baik’ ($M=3.56$, $SD=0.92$). Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi keyakinan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi dalam kalangan murid. Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Nieuwenhuyse, Roose, Wils, Depaepe, Verschaffel, (2017) dan Stromo, (2014) yang menjelaskan bahawa murid-murid didapati dapat menjana strategi penaaakulan yang lebih yakin apabila mereka didedahkan dengan sumber-sumber sejarah yang relevan dengan topik pelajaran.

Jadual 3: Tahap Persepsi Keyakinan Terhadap Penggunaan Sumber-Sumber Sejarah

Bil	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap
1	Tugasan sumber-sumber sejarah yang diberikan amat mudah kepada saya	3.95	0.84	Tinggi
2	Saya yakin kerana saya tahu apa yang perlu dipelajari dengan sumber-sumber sejarah	3.85	1.13	Tinggi
3	Saya dapat belajar tentang sumber-sumber sejarah dengan lebih baik	3.56	0.92	Sederhana
4	Saya berasa yakin kerana saya dapat memahami kandungan sumber-sumber sejarah dengan baik	4.24	0.79	Tinggi
5	Saya yakin saya dapat lulus mata pelajaran Sejarah	3.67	1.09	Tinggi
Keseluruhan		3.86	0.47	Tinggi

Soalan Kajian 3

- Apakah tahap persepsi kepuasan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?

Berdasarkan Jadual 4, tahap persepsi kepuasan terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi ($M=3.82$, $SD=0.75$) dalam kalangan murid. Dari segi item pula, empat item dalam persepsi kepuasan menunjukkan min dan tahap yang tinggi iaitu item ‘Saya berasa sangat gembira kerana berjaya menyiapkan tugas sumber-sumber sejarah’ ($M=3.94$, $SD=1.04$), item ‘Saya rasa puas hati terhadap pencapaian saya’ ($M=3.91$, $SD=0.95$), item ‘Saya dapat mengetahui banyak perkara tentang topik yang dipelajari’ ($M=3.88$, $SD=0.93$) dan item ‘Saya rasa motivasi sendiri saya meningkat dengan lebih baik’ ($M=3.73$, $SD=0.71$) berbanding dengan item ‘Saya berasa sangat seronok belajar dengan sumber-sumber sejarah’ ($M=3.62$, $SD=0.73$) yang berada pada min dan tahap yang sederhana. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi kepuasan terhadap penggunaan sumber-

sumber sejarah berada pada tahap tinggi dalam kalangan murid. Dapatan kajian ini adalah sealiran dengan dapatan kajian Rantala dan Vanden Berg, (2015) yang telah menjelaskan bahawa peningkatan kebolehan murid membuat tafsiran sejarah dengan menggunakan sumber sejarah yang lebih baik telah membolehkan mereka berpuas hati dan berminat terhadap proses pembelajaran dan menganggap proses pembelajaran tersebut adalah berguna untuk masa depan.

Jadual 4: Tahap Persepsi Kepuasan Terhadap Penggunaan Sumber-Sumber Sejarah

Bil	Item	<i>M</i>	<i>SD</i>	Tahap
1	Saya rasa puas hati terhadap pencapaian saya	3.91	0.95	Tinggi
2	Saya berasa sangat seronok belajar dengan sumber-sumber sejarah	3.62	0.73	Sederhana
3	Saya berasa sangat gembira kerana berjaya menyiapkan tugas sumber-sumber sejarah	3.94	1.04	Tinggi
4	Saya rasa motivasi sendiri saya meningkat dengan lebih baik	3.73	0.71	Tinggi
5	Saya dapat mengetahui banyak perkara tentang topik yang dipelajari	3.88	0.93	Tinggi
Keseluruhan		3.82	0.75	Tinggi

Soalan Kajian 4

4. Apakah tahap persepsi perhatian terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah dalam kalangan murid?

Berdasarkan Jadual 5, tahap persepsi perhatian terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi ($M=3.90$, $SD=1.00$) dalam kalangan murid. Dari segi item pula, kelima-lima item dalam persepsi perhatian berada pada min dan tahap yang tinggi. Sungguhpun begitu, item yang dilaporkan berada pada min yang tinggi ialah item 'Maklumat-maklumat sejarah yang dipelajari dapat menarik perhatian saya' ($M=3.98$, $SD=0.85$), diikuti dengan item 'Koleksi sumber-sumber sejarah yang dibekalkan menarik perhatian saya' ($M=3.95$, $SD=0.85$), item 'Sumber-sumber sejarah dapat mengekalkan perhatian saya dengan lebih baik' ($M=3.87$, $SD=0.90$), item 'Saya belajar banyak perkara yang tidak dijangkakan dalam mata pelajaran Sejarah' ($M=3.87$, $SD=0.90$) dan item 'Sumber-sumber sejarah dapat merangsang perasaan ingin tahu saya' ($M=3.80$, $SD=0.92$). Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi perhatian terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi dalam kalangan murid. Dapatan ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian Sell dan Griffin, (2017) dan kajian Renuka Ramakrishnan & Siti Hawa Abdullah, (2012) yang telah melaporkan bahawa penggunaan puisi-puisi sejarah serta sumber digital sejarah dapat membantu murid mengekalkan perhatian yang lebih baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Jadual 5: Tahap Persepsi Perhatian Terhadap Penggunaan Sumber-Sumber Sejarah

Bil	Item	M	SD	Tahap
1	Koleksi sumber-sumber sejarah yang dibekalkan menarik perhatian saya	3.95	0.85	Tinggi
2	Sumber-sumber sejarah dapat merangsang perasaan ingin tahu saya	3.80	0.92	Tinggi
3	Sumber-sumber sejarah dapat mengekalkan perhatian saya dengan lebih baik	3.89	0.88	Tinggi
4	Saya belajar banyak perkara yang tidak dijangkakan dalam mata pelajaran Sejarah	3.87	0.90	Tinggi
5	Maklumat-maklumat sejarah yang dipelajari dapat menarik perhatian saya	3.98	0.85	Tinggi
Keseluruhan		3.90	1.00	Tinggi

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa tahap persepsi terhadap penggunaan sumber-sumber sejarah berada pada tahap tinggi dari aspek perkaitan, keyakinan, kepuasan dan perhatian. Hal ini kerana penggunaan sumber-sumber sejarah dalam mata pelajaran Sejarah telah membolehkan murid-murid terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengangkat identiti mata pelajaran Sejarah, meningkatkan minat belajar mata pelajaran Sejarah dan membentuk proses berfikir aras kognitif yang tinggi. Oleh itu, implikasi kajian ini telah mencadangkan bahawa sumber-sumber sejarah dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sebagai suatu inovasi dalam strategi pengajaran dan pembelajaran sedia ada.

Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, Ahmad Ali Seman, & Ramle Abdullah. (2013). The Skills of Using History Textbooks in Secondary School. *Asian Social Science*, 9(12), 229-236.
- Breakstone, J., & Smith, M. (2013). Using Library of Congress Primary Sources for assessment. *The TPS Journal*, 1(3), 1-8.
- Brown, C.A., & Dotson, K. (2007). A Case Study Using Digital Primary Source Documents. *TechTrends*, 51(3), 30-37
- Cowgill II, D.A. (2014). *Using the Library of Congress to create DBQ's and Book Backdrops*.

- Fitzgerald, J.C. (2009). Textbooks and Primary Source Analysis. *Social Studies Research and Practice*, 4(8), 37-43.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Huistra, H., & Mellink, B. (2016). Phrasing history: Selecting sources in digital repositories. *Historical methods*, 49(4), 220-229
- Hynd, C.R. (1999). Teaching students to think critically using multiple texts in history. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 42(6), 428-436.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Macedo-Rouet, M., Braasch, J.L.G., Britt, M.A & Rouet, J.F. (2013). Teaching Fourth and Fifth Graders to Evaluate Information Sources During Text Comprehension. *Cognition and Instruction*, 31(2), 204-226.
- Merkt, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017). Historical thinking skills and mastery of multiple documents tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146.
- Newmann, M. (2001). Primary Sources in Perspective. *Journal Educations and Students with Library of Congress Resources*.
- Nieuwenhuyse, K.V., Roose, H., Wils, K., Depaepe, F., Verschaffel, L. (2017). Reasoning with and /or about sources? The use of primary sources in Flemish Secondary school history education. *Journal of Historical consciousness, historical cultures and history education*, 48-70.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Rantala, J. & Van Den Berg, M. (2015). Finnish high school and university students' ability to handle multiple source documents in history. *Historical Encounters: A Journal of Historical Consciousness, historical cultures and history education*, 2(1), 70-88.
- Reisman, A. (2012). The "Document-Based Lesson": Bringing Disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions of Educative document based curricular materials to quality of historical instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Renuka Ramakrishnan & Siti Hawa Abdullah. (2012). Penggunaan Sumber Digital Sejarah Dalam Kalangan Guru Sejarah. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan, Zon Regency by the Sea Johor Bharu*, 7-9 Oktober 2012.
- Sell, C.R., & Griffin, K. (2017). Powerful Social Studies teaching with Poetry and Primary Sources. *The Social Studies*, 108(1), 1-9.
- Siti Hawa Abdullah. (2008). Takrif dan Ciri-ciri Pemikiran Sejarah. *Pendidikan Sejarah*, 9(1), 98-106.
- Stromo, H.I. (2014). Students' Sourcing While Reading and Writing From Multiple Web Documents. *Nordic Journal of Digital Literacy*, 9, 91-111.
- Suntharalingam. (1985). *Pengenalan Kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (M). Sdn Bhd
- Wineburg, S.S. (1991). On the Reading of Historical Texts: Notes on the Breach between School and Academy. *American Educational Research Journal*, 28(3), 495-519.